



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENAMBAHBAIKAN PORTFOLIO WARDEN ASRAMA DI SEKOLAH
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan penambahbaikan kepada portfolio warden asrama di 1,874 buah sekolah berasrama bawah KPM. Berdasarkan penambahbaikan ini, bilangan warden asrama akan ditambah seramai 3,813 orang daripada 6,055 orang kepada 9,868 orang. Ini melibatkan peningkatan sebanyak 63 peratus. Pertambahan bilangan ini akan membolehkan penggiliran bertugas warden asrama dapat dilaksanakan di semua sekolah berasrama.

Selain daripada itu, kadar Elaun Warden Asrama (EWA) dinaikkan sebanyak 25 peratus. Kadar baharu EWA adalah seperti berikut:

- i. RM350 sebulan bagi Ketua Warden Asrama; dan
- ii. RM300 sebulan bagi Warden Asrama.

Kali terakhir kadar EWA disemak adalah pada tahun 1997.

Pertambahan bilangan warden asrama dan kenaikan kadar EWA ini melibatkan implikasi kewangan tambahan berjumlah RM18,990,480 setahun.

KPM ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MOF) di atas kelulusan kepada permohonan penambahan jumlah warden dan kenaikan kadar EWA.

Kelulusan ini berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2022.

KPM komited untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan kepada portfolio warden asrama di sekolah KPM.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
24 JUN 2022